# DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA
# (Jawatan Kosong)

Permohonan dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan mempunyai kelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

**Bil. Iklan: DBKU/3/2023**

1 a) **Jawatan**: Penolong Pegawai Tadbir Gred N29 (Sistem Maklumat)
b) **Jabatan**: Dewan Bandaraya Kuching Utara
c) **Kumpulan Perkhidmatan**: Pelaksana
d) **Klasifikasi Perkhidmatan**: Pentadbiran Dan Sokongan
e) **Bahagian Yang Memerlukan**: Bahagian Teknologi Maklumat

**2. Jadual Gaji Penolong Pegawai Tadbir N29 :-**

| Gaji Minimum | Gaji Maksimum |
|---|---|
| RM 1,493.00 | RM 5,672.00 |

**3. Antara Skop Tugas Utama**

- **Pembangunan Dan Sokongan Sistem**

a) Membantu dalam pengimplemetasian dan pembangunan DBKU
b) Membantu dalam pembangunan dan pemantauan pangkalan data dan aplikasi DBKU.
c) Membantu dalam penilaian dan penyediaan tender projek pengkomputeran DBKU.
d) Memberi latihan untuk pengguna bagi aplikasi baru dan sediada.
e) Memberi khidmat sokongan bagi aplikasi baru dan sediada.

- **Infrastruktur IT**

a) Membantu dalam pengimplementasian dan penyelenggaraan infrastruktur IT DBKU
b) Membantu dalam penyediaan pelan untuk pembangunan dan pengembangan infrastruktur IT DBKU
c) Memantau prestasi dan kapasiti Infrastruktur IT DBKU
d) Memantau dan menganalisis keberkesanan penggunaan rangkaian dan telekomunikasi
e) Memberi khidmat sokongan bagi penggunaan rangkaian dan telekomunikasi

4. **Syarat Lantikan:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

a) Berumur tidak kurang dari 23 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
b) Sijil dalam bidang teknologi maklumat atau prosesan data yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
c) Sijil dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya
d) Diploma dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
e) Diploma dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
f) Calon bagi lantikan **hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

**Taraf Jawatan : Kontrak**

**Cara Memohon:**

Calon yang berminat dan memenuhi syarat-syarat tersebut, adalah dipelawa untuk menghantar permohonan dengan **menulis surat besertakan 'resume' yang mengandungi butir-butir peribadi termasuk nombor telefon peribadi yang mempunyai aplikasi whatapps, kelayakan akademik, pengalaman kerja beserta sijil-sijil yang telah disahkan dan sekeping gambar berukuran pasport (tidak dikembalikan) kepada:-**

**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia**

**Dewan Bandaraya Kuching Utara**

**Tingkat 3, Bangunan DBKU**

**Bukit Siol, Jalan Semariang**

**Petra Jaya, 93050 Kuching**

Pemohon daripada kakitangan kerajaan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing berserta dengan perkara berikut:-

a) Laporan Sulit
b) Laporan Penilaian Prestasi bagi tiga (3) tahun terakhir
c) Salinan Kenyataan Perkhidmatan

**Tarikh Akhir Permohonan : 27 Februari 2023**

**Catatan Am:**

(i) Permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan dan tidak memberi maklumat dengan lengkap tidak akan dipertimbangkan.

(ii) Hanya calon-calon yang layak selepas disenarai tapis sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.

(iii) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.